

UniMAP TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI ARAB SAUDI

UniMAP telah menerima kunjungan daripada Delegasi Kolej Undang-Undang Universiti Al Imam Muhammad Ibn Saud, Riyadh Saudi Arabia pada 21 Julai 2010 lalu. Delegasi yang terdiri daripada Prof. Dr. Khalid Al Malik, Prof. Dr. Abdul Aziz A. Al Mahmoud dan Prof. Dr. Umar A. Al Mahmoud hadir di UniMAP untuk Majlis Taklimat kepada para peserta yang terpilih untuk mengikuti Kursus Untuk Para Qadi Malaysia di Universiti Al Imam Muhammad Ibn Saudi, Riyadh Saudi Arabia pada bulan Zulkaedah dan Zulhijjah 1431 Hijrah.



Delegasi turut mengambil kesempatan mengadakan kunjung hormat kepada Naib Canselor, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin di pejabatnya di sini. Dalam pertemuan berkenaan, kedua-dua pihak turut membincangkan bentuk kerjasama yang dapat dilaksanakan dalam bidang akademik mahupun penyelidikan. Para delegasi kemudiannya dibawa melawat Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh.

